

06/12/1999

Wan Mokhtar mengaku bertanggungjawab (HL)

Ibrahim Mohamad

KUALA TERENGGANU, Ahad - Ketua Badan Perhubungan Umno Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, hari ini berkata beliau bertanggungjawab sepenuhnya atas kekalahan Barisan Nasional (BN) di negeri ini pada pilihan raya Isnin lalu.

Sehubungan itu, beliau meminta ahli Umno dan penyokong BN supaya tidak menuding jari dan menyalahkan antara satu sama lain.

Beliau yang menyifatkan dirinya sebagai jeneral yang kalah dalam peperangan, menyalahkan diri sendiri kerana gagal mempertahankan Terengganu daripada dirampas Pas.

Katanya, sikap menyalahkan orang lain boleh menimbulkan lebih banyak masalah dan merendahkan semangat serta menghilangkan kepercayaan akar umbi.

Sebaliknya, kata Wan Mokhtar, tumpuan kini perlu diberikan untuk memperkuat parti dan meningkatkan semula semangat juang bagi menghadapi pilihan raya akan datang.

"Tidak dapat dinafikan kekalahan ini amat menyakitkan dan memberi pengajaran kepada semua pihak. Oleh itu, kita harus bekerja lebih kuat untuk menghadapi masa depan dan terus mengekalkan kepercayaan rakyat terhadap Umno," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perjumpaan dengan jentera pilihan raya Umno bahagian Kuala Nerus, dekat sini hari ini.

Pada pilihan raya umum Isnin lalu, BN hanya mampu mengekalkan empat daripada 32 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), manakala semua lapan kerusi Parlimen dimenangi pembangkang.

Wan Mokhtar sendiri yang bertanding di DUN Cukai, kalah kepada calon Pas, Awang Jusoh dengan majoriti 436 undi.

Bekas Menteri Besar selama 25 tahun itu berkata, beliau akan terus memberi sokongan penuh dan khidmat kepada parti untuk mengambil balik Terengganu daripada Pas.

Untuk menghadapi masa depan, katanya, beliau sedia berundur dan memberi peluang kepada tokoh baru yang sudah dilatih untuk mengambilalih kepemimpinan parti.

Berdialog dengan ahli Umno, Wan Mokhtar berkata beliau akan bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk membincang beberapa perkara mengenai pembangunan, termasuk pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud.

"Kita masih memikirkan masa depan rakyat kerana rakyat Terengganu dijangka akan kehilangan banyak projek kerana negeri di perintah oleh Pas. Mungkin beberapa peruntukan Persekutuan akan disalurkan ke negeri lain," katanya.

Pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud yang berharga lebih RM300 juta, membabitkan pembinaan terminal baru dan landasan bagi membolehkan pesawat lebih besar mendarat.

Sebelum ini, Dr Mahathir pernah membayangkan lapangan terbang itu akan menjadi pintu masuk utama ke Pantai Timur, yang akan menarik pelaburan luar.

(END)